

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN



Siri Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur

MAJLIS PENGGKISAHAN SEJARAH
Malay Agricultural
Settlement (M.A.S)
Kampong Bharu, Kuala Lumpur

Sempena

Sambutan Ulangtahun Ke-55
Arkib Negara Malaysia

Auditorium

Pusat Dokumentasian & Pemeliharaan Audiovisual Negara
Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur

6 Disember 2012 (Khamis)
bersamaan (22 Muharam 1434H)

ATUR CARA
MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH
Malay Agricultural Settlement (M.A.S)
Kampong Bharu, Kuala Lumpur



- 8.45 pagi : Ketibaan tokoh dan para jemputan
: Minum pagi
- 9.30 pagi : Negaraku
: Bacaan Doa
: **Ucapan Alu-aluan**
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia
Puan Hajah Daresah Haji Ismail
- : Sesi Penyerahan Bahan
- 10.00 pagi : Sesi Pengkisahan Sejarah
Tokoh:
i. YBhg Dato' Seri Dr. Haji Suleiman Mohamed
ii. YBrs Encik Shamsuri Suradi
iii. YBrs Haji Zakaria Yahaya
- Pengerusi:**
Encik Mohd Samsudin (UKM)
- : Sesi Soal Jawab



Penyampaian cenderamata
Jamuan tengah hari
Bersurai

MAJLIS PENGGKISAHAN SEJARAH

Malay Agricultural Settlement (M.A.S)


Kampong Bharu, Kuala Lumpur



Majlis Pengkisahan Sejarah Malay Agricultural Settlement (M.A.S) Kampong Bharu merupakan salah satu siri pengkisahan sejarah berkaitan Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia bagi mendokumentasikan dan mengumpul maklumat berkaitan sejarah Kuala Lumpur. Sebelum ini, Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Majlis Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur (2000), Majlis Pengkisahan Sejarah Jalan Tuanku Abdul Rahman (2001), Majlis Pengkisahan Sejarah Kelab Sultan Sulaiman (2006) dan Majlis Pengkisahan Sejarah Pasar Budaya (2006). Melalui siri pengkisahan sejarah ini diharap maklumat penting berkaitan sejarah Kuala Lumpur dapat dihebahkan kepada umum selain menggalakkan lagi usaha-usaha penyelidikan berkaitan sejarah negara berdasarkan bahan-bahan bernilai arkib yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Pada siri kali ini, tokoh-tokoh pengkisah yang dijemput akan memfokuskan terhadap aspek sejarah, sosio budaya, kemajuan dan halatuju masa depan Kampong Bharu yang semakin hari dihimpit oleh pembangunan pesat negara. Tambahan kepada itu juga, tokoh-tokoh terlibat juga telahpun menyerahkan koleksi bahan-bahan bernilai arkib yang antara lain berkaitan Kampong Bharu kepada Arkib Negara Malaysia untuk dipelihara bagi tatapan dan rujukan generasi akan datang.

Malay Agricultural Settlement (M.A.S) Kampong Bharu atau lebih dikenali hanya dengan nama Kampong Bharu merupakan satu mercu tanda atau ikon penting yang telah sekian lama menjadi antara wajah utama bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga kini, banyak perkara yang diperkatakan mengenai Kampong Bharu khususnya berkaitan rancangan pembangunan semula Kampong Bharu. Sebagai sebuah petempatan orang Melayu yang bersejarah lagi strategik, maklumat berkaitan sejarah Kampong Bharu sejak 112 tahun yang lalu wajar untuk difahami oleh generasi muda khususnya yang tinggal di Kuala Lumpur agar mereka lebih memahami asal-usul masyarakat yang telah bersama membangunkan Kuala Lumpur sehingga menjadi ibu negara Malaysia sehingga hari ini.

M.A.S Kampong Bharu telah ditubuhkan pada 12 Januari 1990 oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan mandat yang dikuti oleh DYMM Almarhum Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan ibni Almarhum Raja Abdullah seluas



Warta Kerajaan Selangor 12 Januari 1900 yang mengandungi maklumat perubuhan Malay Agricultural Settlement. (ANM2007/0000078)